

## SEKTOR PERUNCITAN

### SOALAN-SOALAN LAZIM

1. **Apakan semua premis/kemudahan di pusat membeli belah dibenarkan beroperasi sepanjang tempoh penguatkuasaan PKPB?**  
Tidak, sila rujuk aktiviti yang dilarang semasa PKPB yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan.
2. **Adakah terdapat surat kelulusan/kebenaran beroperasi yang diperlukan untuk sektor peruncitan sepanjang tempoh penguatkuasaan PKPB.**  
Tidak.
3. **Apakah senarai aktiviti-aktiviti yang dilarang (prohibited list) bagi sektor peruncitan?**  
Aktiviti-aktiviti yang dilarang (negative list) bagi Sektor Peruncitan adalah seperti berikut: i. Karnival Jualan; ii. Fitting Pakaian di kedai pakaian dan aksesori fesyen; iii. Melipat baju di premis dobi layan diri; dan iv. Kedai gunting rambut dan salun kecantikan.
4. **Adakah premis perniagaan yang dibenarkan semasa PKPB ini masih tertakluk kepada undang-undang atau peraturan Pihak Berkuasa tempatan (PBT) untuk beroperasi?**  
Ya. Semua premis perniagaan adalah tertakluk kepada sebarang peraturan di bawah PBT seperti di dalam Arahan Tetap Prosedur Operasi Standard (SOP) Pembukaan Semula Ekonomi.
5. **Adakah dobi layan diri boleh dibuka dan beroperasi?**  
Semua dobi termasuk dobi layan diri boleh menjalankan operasi seperti biasa tertakluk kepada aktiviti terlarang dan SOP Pembukaan Semula Ekonomi.
6. **Adakah perkhidmatan selepas jualan (after sales service) seperti penyelenggaraan mesin penapis air dibenarkan sepanjang tempoh PKPB?**  
Ya, dibenarkan.

- 7. Adakan pusat salun dan kecantikan boleh dibuka dan beroperasi?**  
Tidak. Pusat salun dan kecantikan serta kedai gunting adalah merupakan aktiviti yang dilarang dan tidak dibenarkan beroperasi.
- 8. Adakah peruncit boleh mengadakan jualan murah dan jualan Gudang sepanjang tempoh PKP?**  
Semua peruncit boleh mengadakan jualan murah di premis masing-masing tanpa melibatkan pembinaan booth tambahan di dalam/luar premis. Sebarang bentuk carnival jualan adalah dilarang.
- 9. Adakah Pasaraya boleh beroperasi 24 jam?**  
Tidak. Waktu operasi adalah tertakluk kepada SOP Pembukaan Sektor Ekonomi yang telah ditetapkan oleh pihak Kerajaan.
- 10. Adakah Stesen minyak boleh beroperasi 24 jam?**  
Tidak. Stesen minyak hanya boleh beroperasi dari jam 7 pagi hingga 7 petang seperti yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri.